

16 MAR 2004

Taib-Mahathir/I

TUN DR MAHATHIR CONTOH TERUNGGUL AHLI POLITIK MALAYSIA: TAIB

SIBU, 16 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud menyifatkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohammad sebagai contoh terunggul ahli politik Malaysia.

Katanya, Malaysia dan negeri-negeri di dalamnya telah bertukar wajah dengan begitu ketara sekali selepas 20 tahun di bawah kepimpinan Mahathir.

Berucap pada majlis pemimpin bersama rakyat di Pusat Sivik di sini, walaupun telah melepaskan jawatan Perdana Menteri, Mahathir masih terus bergerak ke sana sini mempromosikan Malaysia kepada dunia luar.

Majlis yang dihadiri lebih 2,000 orang itu dianjurkan sebagai sebahagian aktiviti kempen menyokong dua calon Barisan Nasional daripada Parti SUPP yang bertanding pada pilihan raya umum ke 11 pada 21 Mac ini.

Mereka ialah Datuk Robert Lau Hoi Chew yang bertanding mempertahankan kerusi Parlimen Bandar Sibu dan Tiong Thai King yang bertanding mempertahankan kerusi Parlimen Lanang.

Lau dicabar pengerusi DAP negeri Wong Ho Leng, manakala Tiong dicabar seorang lagi calon DAP iaitu David Wong Kee Woan.

"Walaupun beliau bukan lagi Perdana Menteri, Mahathir terus membawa sanjungan kepada Malaysia dengan cara terus berkunjung sambil mempromosi Malaysia di mana saja negara yang dikunjunginya.

"Tun juga memecah rekod negara dengan muncul sebagai bekas Perdana Menteri pertama yang berkempen untuk penggantinya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kerajaan barunya," katanya.

Taib berkata Mahathir adalah contoh hidup bagaimana seseorang itu boleh terus berjuang untuk kemajuan negara.

Orang ramai juga, katanya boleh memainkan peranan dengan keluar beramai-ramai untuk mengundi calon-calon BN agar mereka kembali berkuasa.

"Undi anda adalah penting untuk kesinambungan segala usaha untuk memaju dan membangunkan negara serta rakyatnya," katanya.

--BERNAMA

ESS AM